



Wartisan

Wartisan

KDN 7890

KELUARAN 15 1991
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



LAGU: SETIA BERSAMA

*Bersama setia pemimpin dan Rakyat
seiya sekata menambahkan erat
dijinjing yang ringan, yang berat dipikul
sejalan seiringan dengan rasa syukur*

*Jika ada kekusutan
dicari penyelesaian
demi hari muka
Negeri Sembilan*

*Setia kepada Raja
pemimpin serta negara
berbakti dengan jujur
Negeri aman makmur*

*Kegunung sama didaki
kelurah sama turuni
biar ikhlas berusaha
demi negeri tercinta*

*Bagai aur dengan tebing
saling perlu memerlukan
rakyat dan pemimpin
tidak mungkin dipisahkan*

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.	Baba bin Ludek	7 - 23
2.	Wira Negara	24 - 28
3.	Sejarah Lukut	29 - 37
4.	Adat Istiadat Menjemput Datuk Lembaga	38 - 46
5.	Prosedur Pertabalan Yang Dipertuan Besar	47 - 49
6.	Sejarah Tampin	50 - 55
7.	Marhum Muhammad Said bin Jamaluddin	56 - 58
8.	Perkampungan Orang Asli Tekir	59 - 66



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD,
S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C.
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus**



فوجابه مenteri بس
نڬري سنبيلان
طائفة

Telefon: Seremban 722421 & 722311
PEJABAT MENTERI BESAR,
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,
70502 SEREMBAN.

KATA-KATA ALUAN

Usaha menyingkap semula bahan-bahan sejarah di negeri ini dengan membukukannya secara bersiri dalam 'Jurnal Warisan' ini adalah satu-satunya langkah yang amat tinggi nilainya.

Pemparan segala bentuk bahan ini secara tidak langsung akan menyuburkan kekayaan sejarah yang dimiliki, supaya ia tidak pupus ditelan waktu dan terhindar dari ingatan generasi baru.

Maka itu, amat wajar bagi usaha-usaha penyelidikan dan diperhebatkan oleh tenaga-tentara sejarah di negeri ini dengan harapan agar usaha pengumpulan bahan-bahan sejarah agar usaha pengumpulan bahan-bahan sejarah yang berupa lisan, tulisan dan objek akan dapat didengar, dilihat dan ditatapi oleh pewaris bangsa kemudian hari kelak.

Di samping itu, penghayatan bahan-bahan sejarah ini sudah pasti akan dapat menghidupkan tahap kecenderungannya dengan pelbagai aktiviti sampingan yang dianjurkan baik menerusi jabatan mahupun badan pemelihara dan pengembang sejarah seperti ini.


Semoga kelahiran jurnal terbaru ini akan dapat memperlengkapkan lagi pengetahuan sejarah masyarakat sekalian yang tentunya dahagakan bahan-bahan seumpamanya.

Salam hormat,

Mohd Samad

(DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)


SIDANG REDAKSI WARISAN KE - 15



Tn. Hj. Hisham Hj. Omar
AMN., ANS., PJK.



Tuan Haji Misan Mastor



Tuan Haji Ismail Hadi
KMN., AMN., PMC., PJK.



En. Zulkapli Othman



En. Khalid Md. Yasin

<i>Pengerusi</i>	: Tuan Haji Hisham b. Haji Omar
<i>Ketua Pengarang</i>	: Tuan Haji Mohd Hisa b. Tahat
<i>Editor</i>	: Tuan Haji Ismail b. Hadi
<i>Setiausaha</i>	: Tuan Misan b. Mastor
	: Encik Zulkapli b. Othman
	: Encik Khalid b. Md. Yasin



KATA-KATA ALUAN

Assalamualaikum warahmatullah Hiwabarakatuh,

*S*yukur Alhamdulillah kita berjumpa lagi dalam Jurnal Warisan Terbitan Ke15 ini. Semoga terbitan Warisan ini akan berterusan pengeluarannya pada setiap tahun bagi memenuhi hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Tan Sri Dato' Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, agar Warisan ini menjadi tatapan, renungan dan sumber pengetahuan mengenai Sejarah Politik, Budaya, Tokoh dan peristiwa-peristiwa penting yang telah berlaku di Negeri Sembilan untuk kita jadikan panduan dalam kehidupan kita sekarang dan masa akan datang.

*K*ita harus merakamkan setiap peristiwa penting dan perubahan yang berlaku di samping mencungkil kembali Sejarah kewujudan dan peristiwa yang telah berlaku untuk tatapan generasi masa kini dan akan datang melalui Jurnal 'Warisan' ini.

*S*ekian, terima kasih.

(**HAJI MOHD ISA BIN TAHAT**)
Ketua Pengarang,
Persatuan Sejarah Malaysia/
Negeri Sembilan.

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
1989-1991**

- Yang Di Pertua* : Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, SPNS., PSM., DSNS., PMC.
(Menteri Besar, Negeri Sembilan Darul Khusus).
- Naib Yang Di Pertua* : Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, AMN., PKT., PIS.
(Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus).
- Setiausaha Kehormat* : Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi,
KMN., AMN., PMC., PJK.
- Penolong Setiausaha
Kehormat* : Encik Zakaria bin Endon, PJK.
- Bendahari* : Encik Tilak Raj Sharma
- Ketua Pengarang* : Tuan Haji Mohd Hisa bin Tahat, PMC., PJK.
- Ahli-ahli J/kuasa* : Tuan Haji Hisham bin Omar,
AMN., ANS., PJK.
: Encik Zainalabidin bin Yusof, PPB., PMC.
: Tuan Haji Hussain bin Salleh, PMC.
: Encik Norhalim bin Haji Ibrahim
: Tuan Syed Lood bin Syed Yusof

WARISAN KE 16

Saudara/Saudari Penulis tanah air, hantarlah tulisan anda tentang Negeri Sembilan Drul Khusus kepada kami untuk dimuatkan dalam WARISAN yang akan datang.

-- Ketua Pengarang --

SEJARAH TAMPIN

Zulkapli bin Haji Othman

Latar Belakang Geografi

Daerah Tampin adalah daerah yang kelima besarnya selepas Daerah Jelebu, Kuala Pilah, Jampol, Rembau serta dua daerah yang lain iaitu Daerah Seremban dan Port Dickson. Keluasan Daerah Tampin ialah 87,868 hektar.(1) Ia terletak di bahagian Selatan Negeri Sembilan sementara jarak di antara Tampin dengan Seremban ialah 50 kilometer. Tampin bersempadan dengan Daerah Rembau di sebelah utara, Melaka di sebelah barat, Johol di sebelah timur dan Gemas di Selatan. Sebatang jalanraya yang menghubungkan Tampin dengan Kuala Lumpur dan Tampin dengan Singapura melintasi bandar Tampin. Bandar Tampin terletak di kawasan lembah di antara Banjaran Titiwangsa dengan Gunung Tampin setinggi 764.6 meter.(2) Di bukit Tampin ini terdapat stesen Pemancar Radio dan Televisyen untuk kawasan selatan. Rupa bumi Tampin adalah lereng riak, berombak dan berlereng menjunak 12 darjah hingga 20 darjah yang terdiri dari tanah berpasir serta bersaliran sederhana baik. Tanahnya selalu lembap tetapi kering di masa-masa kemarau dari jenis C3/C4 sesuai untuk aktiviti pertanian.(3) Sebatang sungai mengalir di Pinggir Tampin iaitu Sungai Tampin. sungai ini berasal dari Gunung Tampin mengalir melalui Kampung Cenderam, Kampung Tampin Tengah, Kampung Dusun Kampung Batu Belang, Kampung Pulau Sebang dan seterusnya mengalir ke Melaka. Bandar Tampin terletak di dalam Mukim Tampin Tengah. Mukim Tampin Tengah adalah salah sebuah mukim di dalam Daerah Tampin selain dari Mukim Repah, Keru, Gemencheh, Air Kuning dan Mukim Gemas. Di sebelah utara Mukim Tampin Tengah bersempadan dengan Kampung Kendung, manakala di sebelah selatan ia bersempadan dengan Mukim Repah. Di antara kampung-kampung yang terdapat di Mukim Tampin Tengah dari utara ke selatan ialah Kampung Mangga, Kampung Tanjung Pisang, Kampung Chenaga, Kampung Dusun dan Kampung Batu Belang. Akibat pertambahan penduduk dan pembukaan tanah baru, maka wujudlah beberapa kampung yang baru. Di antaranya ialah Kampung Kolam Air, Cenderam dan Kampung Tampin Jaya.

Latar Belakang Sejarah

Berdasarkan cerita lisan, nama Tampin berasal dari nama 'tampin' iaitu tempat menyimpan dodol dan belacan. Pada awal abad ke 20, kawasan ini adalah kawasan tanaman mengkuang yang paling luas. Mengkuang adalah sejenis tanaman/pokok yang digunakan untuk membuat tampilin.(4) Manakala Tan Sri Abdul Samad bin Idris berpendapat Tampin pada asalnya ialah Hujung Bukit dan Siku Lurah. Nama Tampin diambil dari tempat yang bernama Orek membawa ke Jeram yang bersempadan dengan Johol. Menurut ceritanya terdapat sebatang pokok besar bernama Tampin atau Tempoyan yang tumbuh di celah-celah batu besar di tebing sebatang anak sungai yang mengalir dari Ulu Eyor. Pada satu ketika pokok itu

-
- # Tulisan ini adalah merupakan Bab I dari Latihan limrah penulis yang bertajuk "SEJARAH PENGGUNAAN TANAH DI MUKIM TAMPIN TENGAH DI ANTARA 1945-1980-AN. Ia ditulis bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Kepujian dalam Jurusan Sejarah Universiti Malaya. Makalah ini telah disesuaikan untuk diterbitkan.
1. Buku Taklimat Pembangunan Daerah Tampin, Cetakan Pejabat Daerah Tampin, 1987,hlm.2.
 2. Peta ukur yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur Negeri Sembilan 1986.
 3. Laporan Pejabat Pertanian (Laporan kesesuaian tanah), 1982.
 4. Cerita lisan ini tidak ramal yang tahu melainkan golongan lua yang sudah lama menetap di Tampin. Cerita ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Ismail bin Plius yang sudah menetap di Tampin hampir 65 tahun.

tumbang melintang anak sungai menyebabkan anak sungai itu tersekat hingga tempat mengalami banjir besar. Peristiwa pokok Tampin atau Tempoyan menjadi sebutan berulang-ulang oleh penduduk setempat dan dinamakan Tampin hingga sekarang.⁽⁵⁾ Tetapi pada pandangan penulis sumber lisan mengenai nama Tampin yang dikatakan berasal dari 'tampin' tempat menyimpan dodol dan belacan adalah lebih tepat. Tampin tempat menyimpan dodol dan belacan masih terdapat disekitar perkampungan di Pulau Sebang. Pulau Sebang bersebelahan dengan Pekan Tampin. Sehingga sekarang beberapa keluarga Melayu di Kampung Pulau Sebang masih mengusahakan 'industri' membuat tampin, tikar, bakul dan terendak (tudung kepala).⁽⁶⁾

Tampin sebelum 1834 berada di bawah kekuasaan Rembau dan segala pentadbiran berpusat di Rembau. Hanya pada 1834 sahaja Luak Tampin membebaskan dirinya dari kekuasaan Rembau.⁽⁷⁾ Selepas 1834 Tampin bermula dari Gunung Tampin sehingga Bukit Putus dan ke timurnya hingga ke Jeram iaitu sempadan Tampin Johol. Pada 1835 Tampin telah diasaskan dengan merangkumi empat kawasan atau mukim iaitu Tampin, Keru, Repah dan Tebong. Bidang kuasa Tunku Besar Tampin adalah di kawasan berkenaan sahaja yang dikenali sebagai Wilayah Tunku Besar Tampin. Pendek kata tahun 1834 adalah tahun pemisah di antara Tampin dan Rembau dan sejak itulah Tampin mempunyai sistem pentadbirannya yang tersendiri.

Kuasa pemerintahan tertinggi di Tampin ialah Tunku Besar Tampin. Menurut John Gullick, Tunku Besar Tampin yang pertama ialah Syed Abdul Hamid bin Syed Shaaban. Segala-galanya bermula pada tahun 1880an apabila Clementi Smith, Setiausaha Tanah Jajahan tidak bersetuju dengan Syed Abdul Hamid untuk menjadikan dirinya sebagai pemerintah Tampin.⁽⁸⁾ Akibat daripada itu Syed Abdul Hamid telah berpakat dengan Dato' Inas untuk menghapuskan pengaruh British. Pakatan Syed Abdul Hamid dengan Dato' Inas menyebabkan Dato' Inas telah dipecat oleh Inggeris.

Gelaran Tunku Besar Tampin bermula dari Syed Abdul Hamid bin Syed Shaaban Al-Qadri. Wilayah pemerintahan Tunku Besar Tampin ialah Tampin Tengah Keru, Repah dan Tebong. Di setiap wilayah terdapat seorang pembesar adat yang dikenali sebagai Datuk Penghulu Pusaka yang dilantik secara bergilir mengikut perut. Datuk Penghulu Pusaka adalah wakil kepada Tunku Besar Tampin dalam mengatur dan menguruskan perjalanan adat di wilayah tersebut. Manakala di istana Tunku Besar Tampin terdapat pembesar istana seramai 8 orang. Pembesar istana inilah yang akan mengatur dan memastikan segala upacara di istana atau balai Tunku Besar berjalan licin dan lancar.

5. Abdul Samad bin Idris (Tan Sri), Negeri Sembilan Dan Sejarahnya, Percetakan Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968, him.226.
6. Tampin tempat menyimpan dodol dan belacan banyak terdapat di sepanjang jalan menghala ke Melaka. Ia dijual bersama-sama dengan barang lain seperti bakul dan tikar dan dijual kepada pelancong atau kepada mereka yang memerlukannya.
7. Untuk keterangan lanjut sila lihat Abdul Samad Idris (Tan Sri), Negeri Sembilan Dan Sejarahnya, Kuala Lumpur, 1968, him. 226 juga lihat Mohd Jaafar Haji Kasim, 150 tahun Luak/Wilayah Tunku Besar Cawangan Negeri Sembilan. Tunku Besar Tampin bersama-sama dengan Undang Rembau bersetuju memberituk Kesatuan Negeri Sembilan. Untuk keterangan lanjut sila lihat J.M Gullick, "Law and Adat Perpatih A Problem from Jelebu", JMBRAS, Vol. 54, Pt.1, 1981.
8. Disebutkan oleh John Gullick, "The Tampin Succession", JMBRAS, Vol 49, Pt. II, 1976, him.20.

Latar Belakang Penduduk

Jumlah penduduk Daerah Tampin pada tahun 1921 adalah 32,147 orang. Purata taburan penduduk bagi setiap satu kilometer persegi dianggarkan seramai 43 orang. Dari segi komposisi penduduk pula, jumlah penduduk Melayu 19,417 orang, Cina seramai 7,381 orang dan India seramai 5,097 orang.⁽¹⁰⁾ Pertambahan penduduk Cina dan India meningkat terutama pada tahun 1920an disebabkan oleh orang Cina dan India mengikut saudara maranya yang telah lama menetap di Tampin. Pada tahun 1957 seramai 3,928 orang terdapat di Pekan Tampin dan meningkat kepada 8,132 orang pada tahun 1970. Pada tahun 1988, penduduk Pekan Tampin sahaja seramai 15,000 orang, 53.4% terdiri dari orang Cina, 28% orang Melayu, 17.3% orang India dan 0.4% terdiri dari bangsa lain.

Penduduk Cina terdapat di Pekan Tampin, Kampung Baru Cina dan taman-taman perumahan seperti Taman Clonlee dan Taman Woon. Kampung Baru Tampin diwujudkan oleh pentadbiran British pada bulan Oktober 1950 dan pada tahun yang sama penduduknya berjumlah 1,247 orang, 232 terdiri dari orang Cina, 10 keluarga India dan 1 keluarga Melayu. Penduduk Kampung Baru didatangkan dari kawasan-kawasan sekitar seperti Kampung Batu Belang dan Repah. Di kedua-dua kampung ini terdapat ramai orang Cina membuat rumah setinggan. Mereka sering diganggu oleh komunis sekitar tahun 1940an hingga 1950an. Salah satu cara untuk memutuskan perhubungan di antara orang Cina dengan komunis adalah dengan menempatkan mereka di kampung-kampung baru yang sentiasa dikawal rapi. Di kedua-dua kampung ini juga kerapkali berlakunya pergaduhan di antara orang Melayu dengan orang Cina semasa pemerintahan BMA.

Orang Melayu tinggal di kawasan-kawasan kampung dan di sepanjang jalan di antara Tampin dengan Gemas, Tampin dengan Melaka dan Tampin dengan Seremban. Di antara kampung-kampung terdapatnya ramai orang Melayu ialah Kampung Tampin Tengah, Kampung Kolam Air, Kampung Dusun, Kampung Batu Belang, Kampung Cenderam dan Kampung Tampin Jaya. Selain dari kampung di atas, terdapat juga penduduk Melayu di kawasan Taman Perumahan seperti Taman Woon, Taman Clonlee, Taman Indah Fasa 1 dan 2, Taman Tampin dan Taman Tunku Besar Tampin.

Penduduk India di Mukim Tampin Tengah dianggarkan seramai 1,000 orang. Kebanyakan mereka menetap di Bandar Tampin, di Taman-taman Perumahan dan sebagai penyewa rumah di kampung-kampung seperti Kampung Dusun, Kampung Batu Belanag dan Kampung Cenderam. Namun begitu terdapat juga orang India menyewa tanah untuk mendirikan rumah sementara mendapatkan rumah atau sementara menunggu siapnya rumah yang telah ditempah di taman-taman perumahan.

9. Gelaran ini untuk mengelakkan kekeliruan mengenai dua gelaran Yamtuan iaitu Yamtuan Seri Menanti dan Yamtuan Tampin. Sila rujuk Abdul Samad Idris (*Tan Sri*), *Negeri Sembilan Dan Sejarahnya*, KL, 1968, hlm.230.
10. Straits Settlement-Supintendent of Census, *The Census of British Malaya The Straits Settlement, Federated Malay State, 1921*.
11. Temubual dengan Encik Ong Ee Toh, 37, Jalan Besar Tampin. Beliau datang ke Tampin pada tahun 1923 bersama-sama saudara mara seramai 20 orang dari Wilayah Hokkien Choon (China). Temubual pada 21hb. Julai 1988. Manakala kedatangan orang India ke Tampin kebanyakannya berasal dari Madras. Pada peringkat awal British telah menggunakan tenaga mereka di Estate seperti Repah Estate, Gadek Estate dan Tepong Estate. Temubual pada 22hb. Julai, 1988.

Latar Belakang Pekerjaan

Orang Cina di Mukim Tampin Tengah terlibat dalam kegiatan ekonomi. Selewat-lewatnya awal abad ke-20, sudah terdapat orang Cina mengusahakan tanaman ubi kayu dan penglibatan mereka dalam tanaman ini bertambah semasa pendudukan Jepun. Ubi kayu ditanam di sepanjang jalan menghala ke Seremban dan ke Gemas.. Bagi penduduk yang tinggal di Kampung Baru, Pentadbiran British telah menyediakan kawasan seluas 60 ekar untuk bercucuk tanam khususnya untuk sayur-sayuran. Pada tahun 1950-an terdapat juga orang-orang Cina mengusahakan tanaman seperti keledek, keladi, terung dan sawi. Terdapat juga petani Cina menyewa tanah orang Melayu untuk bercucuk tanam. Selain dari sayur-sayuran, petani-petani Cina juga menanam pokok buah-buahan seperti buah betik, pisang dan nangka,(12)

Behind the Tampin sawmill is a vast area covered with vegetables owned by Chinese farmers who stay in small hut in the garden. He mixed farming were carried on. Vegetables and fruits like bananas and papayas are planted.

Orang Melayu menetap di kampung-kampung mengusahakan tanaman padi dan menoreh getah. Di samping itu mereka juga menternak binatang seperti lembu, kambing, kerbau dan ayam itik untuk keperluan sendiri. Kerbau digunakan untuk membajak sawah. Orang Melayu juga ada memelihara ikan di kolam-kolam ikan di hadapan dan di belakang rumah mereka. Di kawasan lapang di hadapan dan di belakang rumah mereka menanam kelapa, sayur-sayuran, pisang, ubi kayu, keledek dan sebatang dua pokok buah-buahan seperti durian dan rambutan,(3)

The Malays are mostly rubber tappers and padi planters. They are usually small holders. Beside tapping rubber and planting padi, they also kept cows, fowls, goats and buffaloes which are used to plough. Some take interest in rearing fish in small ponds. In their compound they plants coconuts, vegetables, bananas, tapioca, sweet potatoes and some fruits trees

Seawal-awalnya pada tahun 1930an sudah terdapat 20 hingga 30 keluarga India menetap di Tampin khasnya di Pekan Tampin. Kebanyakan mereka berasal dari Madras. Pekerjaan utama orang-orang India ialah sebagai buruh kasar di Repah Estate dan Gadek Estate. Selain bekerja di ladang, mereka juga terlibat di dalam perniagaan terutama di dalam perniagaan runcit seperti menjual rempah, kedai kopi dan kedai menjual akhbar.(14) Namun begitu majoriti orang India adalah buruh dan pekerja keretapi.

-
12. Dipetik dari 'A Geographical Survey of Tampin' dalam Tunku Besar Secondary School Magazine 1953-57, Vol.1, No. 1-5, hlm.40.
 13. School Magazine, op.cit.,hlm.42.
 14. Di Pekan Tampin terdapat sebuah restoran milik orang India yang tidak asing lagi bagi penduduk Tampin iaitu Restoran Sanggam. Ia mula menjalankan perniagaan selepas pendudukan Jepun. Kedai menjual akhbar yang terkenal di Tampin milik orang India ialah M.A Majeed. Di sini lah orang-orang India mendapatkan berita-berita tentang negeri India khususnya pada tahun-tahun 1930an dan 1940an. Temubual dengan En. Sami a/l Marimihu pada 21hb, Julai, 1988.

Latar Belakang Pekan Tampin dari 1940-an hingga 1980an.

Tampin pada tahun 1940an dan 1950an adalah sebuah pekan kecil. Terdapat sebatang jalanraya yang menghubungkan pekan Tampin dengan pekan-pekan lain yang dikenali sebagai Jalan Besar Tampin. Di kiri kanan Jalan Besar Tampin terdapat rentetan kedai-kedai runcit yang dimiliki oleh orang Cina dan India. Namun begitu terdapat juga peniaga-peniaga Melayu tetapi tidak ramai jika dibandingkan dengan peniaga-peniaga Cina. Pada tahun 1950an dan 1960an barang-barang yang dijual di Pekan Tampin adalah barang-barang yang diimport dari negara-negara seperti Jepun, Amerika Syarikat, England dan Hong Kong.

Tampin merupakan pintu masuk ke Negeri Melaka. Di sini terdapat sebuah pejabat kastam di sebelah kiri jalan menghala ke Melaka. Semua barang-barang yang hendak dibawa masuk ke Melaka dikenakan cukai terlebih dahulu. Barang-barang ini diangkut dari Singapura dengan menggunakan lori-lori yang dikendalikan oleh 'boss' atau 'towkay'. Barang-barang dalam tin diimport dari United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat.

Dari segi jumlah kedai, pada tahun 1950an terdapat 209 buah kedai yang menjual berbagai-bagai jenis barang. Di Pekan Tampinlah penduduk setempat membeli belah dan menjual hasil tanaman. Dua buah syarikat bas yang utama telah memberikan perkhidmatan kepada orang ramai di Tampin. Dua buah syarikat bas itu ialah Syarikat Bas Southern Omnibus Co. Ltd yang ditubuhkan pada tahun 1937. Syarikat bas ini menjalankan perkhidmatan di antara Tampin-Seremban, Tampin-Gemas, Batang Melaka-Gemencheh dan Tampin-Air Kuning-Nyalas. Syarikat bas ini beribu pejabat di No. 98, Jalan Besar Tampin. Satu lagi syarikat bas yang menjalankan perkhidmatan di Tampin ialah Eng Giap (Eng Giap Public Motor Bus. Co. Ltd) yang menjalankan perkhidmatan di antara Tampin-Kuala Pilah dan Tampin-Bahau. Syarikat bas ini ditubuhkan pada tahun 1938 beribu pejabat di No. 24, Jalan Besar Tampin. Bagi penduduk Tampin, kedua-dua syarikat tidak asing lagi dan merupakan sistem pengangkutan yang paling utama sekali.

Jadual I: Jumlah Kedai di Pekan Tampin-1953.

<u>Bil.</u>	<u>Jenis Kedai</u>	<u>Bilangan Kedai</u>
1.	Kedai runcit	30
2.	Kedai Pajak Gadai	2
3.	Kedai Dobi	4
4.	Kedai membuat kasut	4
5.	Kedai Perabut	8
6.	Kedai Jahit	12
7.	Klinik Gigi	2
8.	Kedai Kerinting rambut	4
9.	Mercantile (barang dagang)	15
10.	Kedai Gunting	8
11.	Kedai basikal	5
12.	Kedai Kopi	18
13.	Kedai baiki kereta	5
14.	Kedai ubat	10
15.	Kedai jam	5

16.	Stesen minyak	3
17.	Kedai Emas	5
18.	Kedai Gambar	6
19.	Kedai Besi	6
20.	Kedai Getah	6
21.	Kedai Roti	2
22.	Kedai Makan	9

Sumber: "A Geographical Survey of Tampin" dlm Tunku Besar Scholl Magazine, Vol. 1, No. 1-5,hlm.41.

Pekan Tampin merupakan pusat membeli belah bagi penduduk di mukim ini terutama sekali barang runcit, barang perabut dan kain baju. Terdapat dua buah pasaraya di Tampin sentiasa penuh dikunjungi terutama oleh suri-suri rumah seperti General Shopping Centre dan Tampin Shopping Centre. Banyak pejabat-pejabat kerajaan terdapat di Pekan Tampin. Di antaranya ialah Pejabat Daerah, Hospital Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah, Pejabat Pertanian Daerah, Pejabat Risma Daerah, Syarikat Telekom Malaysia dan lain-lain. Hampir kesemua pejabat kerajaan ini terletak di sebelah kanan Jalan Besar Tampin. Bagi ahli perniagaan, terdapat tiga institusi kewangan di Pekan Tampin untuk berurus iaitu Bank Bumiputra, Public Bank, Malayan Borneo Finance dan Malayan Banking.

Di Jalan Klub Tampin terdapat komplek Jabatan Kerajaan. Di sinilah jentera pentadbiran daerah beroperasi. Di komplek ini terdapat pejabat-pejabat seperti pejabat Tanah, Pejabat Pertanian, Pejabat Bekalan Air dan Pejabat Parit dan Talair. Bersebelahan dengan komplek Jabatan Kerajaan terdapat Mahkamah Majistret.

Bagi golongan pertengahan, terdapat sebuah Kelab yang dikenali sebagai Kelab Antarabangsa Tampin yang dibina pada tahun 1926. Kemudahan yang disediakan di kelab ini ialah gelanggang tenis, gelanggang badminton dan permainan dalam. Bagi penduduk yang cintakan keindahan alam, Majlis Daerah Tampin ada menyediakan sebuah taman untuk beristirehat yang dikenali sebagai Taman Rekreasi Tampin. Taman ini menjadi tumpuan pada hujung-hujung minggu. Di taman ini ada disediakan padang permainan, gelanggang tenis dan taman binatang. Sejak dari mulanya kawasan yang alamnya menghijau, tanah yang agak rata, dikelilingi oleh bukit-bukit dan disaluri oleh sebatang sungai yang mengalir melalui Pekan Tampin seterusnya ke Melaka adalah satu kawasan yang mengalami kemajuan yang pesat di dalam beberapa aspek seperti ekonomi dan sosial.

Bibliografi

1. JM. Gullick, "The Tampin Succession", IMRAS, VOL. 49, PT.II, 1976.
2. JM GULLICK, "LAW AND ADAT PERPATEH A PROBLEM FROM JELEBU, IMBRAS, Vol. 54.Pt.1.1981.
3. Tan Sri Abdul Samad bin Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Kuala Lumpur, 1968.
4. Mohd Jaafar bin Haji Kassim, 150 tahun Luak/Wilayah Tunku Besar Tampin, Warisan keluaran No. 9, 1984, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
5. 'A Geographical Survey of Tampin' dlm. Tunku Besar Secondary School Magazine, 1953-1957, Vol.1, No.1-5.
6. Laporan Pejabat Pertanian, 1982.

Temubual

1. Tuan Haji Ismail bin Pilus - pesara polis, berumur 65 tahun.
2. Sami a/l Marimuthu, pesara buruh keretapi, berumur 80 tahun.
3. Ong Ee Toh, pekedai runcit, berumur 85 tahun.